

03 FEB 1998

Wolfensohn-pekerja

BANK DUNIA DIBERITAHU M'SIA TETAP GUNA PEKERJA ASING

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Malaysia memberi jaminan kepada Bank Dunia bahawa ia tidak akan menghantar balik pekerja dari Indonesia untuk membantu meringankan beban sosial dan pengangguran di republik itu.

Presiden Bank Dunia James Wolfensohn hari ini berkata jaminan itu diberikan kepadanya oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan mereka di sini hari ini.

Wolfensohn memberitahu pemberita di akhir lawatan dua harinya ke Malaysia bahawa Dr Mahathir memberitahunya pekerja dari Indonesia akan diberi pekerjaan lain yang tidak diisi oleh rakyat Malaysia.

"Perdana Menteri menjelaskan beliau tidak mahu menghantar mereka pulang ke Indonesia tetapi mereka akan cuba diserapkan dalam pekerjaan yang tidak diisi oleh rakyat Malaysia dan ini tidak akan mengusutkan lagi masalah Indonesia," katanya.

Terdapat sekitar dua juta pekerja asing di negara ini.

Wolfensohn berkata Bank Dunia memandang berat masalah pengangguran akibat krisis ekonomi dan akan cuba mengatasinya dengan merangka program yang dapat menyediakan pekerjaan agar masalah sosial dapat dikurangkan.

"Pengalaman kami mengendali masalah sosial dan menjamin keamanan ialah menentukan rakyat mempunyai cukup makanan dan harapan ekonomi, dan menyediakan pekerjaan merupakan kuncinya," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Bank Dunia mempunyai sebarang program sosial untuk Malaysia, beliau berkata : " Kami tidak mempunyai sebarang rancangan, terpulang kepada kerajaan memutuskan apa yang ia perlukan di sini." --

BERNAMA

ARA MAI